

29 OCT 2001

Mahathir-Pentadbiran

K'JAAN AKAN PERKEMAS SISTEM PENTADBIRAN UNTUK ELAK MASALAH, KATA PM

KUALA LUMPUR, 29 Okt (Bernama) -- Sistem pentadbiran kerajaan perlu dikaji semula bagi mengelak berlakunya masalah seperti kelambatan pelaksanaan program pembangunan dan pencerobohan tanah rizab Melayu dan tanah kerajaan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata: "Kita nak kena kaji balik sistem pentadbiran. Inilah yang menyebabkan kadang-kadang kita bagi peruntukan wang, tak dibelanja. Bukan tak nak belanja tapi prosedurnya memakan masa begitu lama. Kadang-kadang nak ambil tanahpun sampai setahun."

Bercakap pada sidang berita selepas merasmikan Persidangan Persatuan Bekalan Air Antarabangsa (IWA) mengenai Pengurusan Air dan Air Buangan untuk Negara-Negara Membangun di sini, beliau juga berkata masalah berhubung Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) bukanlah sesuatu yang baru.

Katanya kerajaan terpaksa bergantung kepada orang tertentu seperti pegawai kerajaan dan wakil rakyat untuk memberi laporan mengenai siapa yang patut diberikan bantuan di bawah PPRT.

"Kadang-kadang, orang ini dia mungkin ada pilih kasih sikitlah. Jadi orang yang tak patut dapat, dapat dan orang yang patut dapat, tak dapat. Yang kena marah ialah kerajaan," kata Dr Mahathir.

Masalah dalam PPRT hangat diperkatakan sekarang dan Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Azmi Khalid baru-baru ini membuat kenyataan berkaitan kes penipuan pelaburan bernilai RM47 juta dalam projek-projek PPRT.

Ketika ditanya mengenai pencerobohan tanah rizab Melayu oleh warga asing seperti yang dilaporkan berlaku di Selangor, Dr Mahathir berkata agak sukar untuk menentukan bahawa kejadian seumpama itu berlaku.

Ini kerana seolah-olah tiada siapa yang tahu pegawai mana yang bertanggungjawab dan mereka yang terlibat masing-masing berdiam diri dengan membuat andaian bahawa sesuatu pembangunan itu telah mendapat kelulusan.

"Jadi ia tidaklah sentiasa rasuah. Orang cerita kata rasuah, tapi kadang-kadang benda ini tumbuh dengan begitu sahaja," katanya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Rais Yatim baru-baru ini dilaporkan sebagai berkata masalah pencerobohan itu berpunca antara lain daripada penyelewengan kuasa dan rasuah oleh pihak penguatkuasaan.

Dr Mahathir berkata dakwaan seumpama itu hendaklah disertai dengan bukti.

"Kita tidak boleh pergi kepada seseorang (dan berkata) 'Tengok tu, ada sesuatu yang tidak betul, pasti awak dah ambil wang.' Maksud saya kalau kita ke mahkamah, mahkamah akan menolak keterangan itu. Kita kenalah mempunyai bukti. Orang ramai perlu bersedia tampil ke hadapan dan beri keterangan. Tetapi kita tidak boleh mendapat bukti itu. Inilah masalah kita," katanya.

Ditanya mengenai gesaan supaya mana-mana menteri yang tidak cekap digurukan daripada kabinet, Dr Mahathir berkata: "Ya lah, kita boleh gugur semua. Wakil rakyat yang tak hadir (di Dewan Rakyat) pun kita boleh gugur juga. Jadi bila kita baling batu, kita kena tentukan tak kena kita balik nanti. Kita duduk dalam rumah cermin macam tu, kita baling batu pecah semualah."

Perdana Menteri turut ditanya tentang laporan akhbar hari ini yang menyebut kerajaan Terengganu terus memusnahkan hutan simpan kekal bagi mendapatkan balak termasuk 4,000 hektar di Dungun.

Beliau berkata: "Inilah masalah kita. Bila kita ada sebuah kerajaan

negeri yang mempunyai kuasa terhadap perkara ini, mereka tidak bertanggungjawab, mereka lebih utamakan pendapatan."

Dr Mahathir berkata kerajaan telah menentukan bilangan pokok yang boleh ditebang bagi keluasan tanah tertentu tetapi apa yang berlaku ialah ada sesetengah pihak yang menebang kesemua pokok dalam sesuatu kawasan terbabit.

-- BERNAMA
MAM AHH NMO